

aab

Mahathir - Tamadun

PERDANA MENTERI INGATKAN UMAT ISLAM KUKUHKAN BUDAYA ILMU

KUALA TERENGGANU, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam supaya tidak memisah-misahkan ilmu agama dengan cabang-cabang ilmu lain kerana ia hanya akan melemahkan budaya ilmu dan tamadun mereka sendiri.

Beliau memberi contoh kejatuhan tamadun Kristian pada zaman lampau kerana pihak berkuasa mahu memisah ilmu agama dengan cabang ilmu pendidikan kerana pihak berkuasa bimbang pengaruh ahli agama dalam pemerintahan mereka yang membawa kepada pembentukan sistem agama dan sekular.

Ketika berucap merasmikan Tamadun Ekspo Islam hari ini, katanya, tindakan seperti itu berjangkit ke dalam sistem umat Islam sendiri hinggakan tamadun Islam turut menempuh zaman kemerosotan, terutamanya pada abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Beliau berkata, umat Islam perlu berkerja keras memajukan diri sendiri dalam segala bidang dan setelah umat Islam maju, mereka akan dihormati oleh bukan-islam dan ini merupakan langkah pertama ke arah penerimaan agama Islam oleh mereka.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia menjangkau sempadan antara sesama negara Islam bagi mendalami ilmu pendidikan dan inilah yang menyebabkan ahli senibina Islam dari Iran yang memegang amalan Syiah dibawa ke negara ini untuk mempamerkan kemahiran mereka. -- lagi

▼09/09/15-36MST

U GB 09-09 00169 BH196

aab

Mahathir - Tamadun 2 (akhir) Kuala Terengganu

Beliau berkata, Malaysia akan terus membawa cerdik pandai Islam negara lain ke sini bagi mempelajari kepandaian dan kemahiran kerana negara ini menganggap ilmu yang terdapat di mana-mana negara Islam adalah milik bersama umat Islam.

Sementara itu, ketika berucap kepada kira-kira 200 orang ketua jabatan dan para pemimpin masyarakat pada majlis makan tengah hari di kediaman Menteri Besar, beliau menyeru ahli politik dan para pentadbir bekerjasama bagi menjamin pembangunan yang berterusan.

Katanya adalah menjadi tanggungjawab bersama mereka untuk bekerjasama di samping mengetepikan perkara titik-bengkok untuk menentukan pentadbiran tidak terjejas.

Beliau juga berkata kecekapan pentadbiran amat penting dan perlu dipertingkatkan bagi mengusahakan sumber hasil negara.

"Hanya mempunyai sumber kekayaan tidak menjadikan sesebuah negara itu kaya tetapi ia hendaklah mempunyai kecekapan dan kemahiran untuk mengusahakannya," tegasnya.

Sebelum itu, sebaik saja tiba di sini awal pagi tadi Perdana Menteri mendengar taklimat tertutup pembangunan negeri di Rumah Tetamu.

-- Bernama

sbj/al/rs

▼09/09/15-41MST